



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2007**

---

### **DASAR PENANGGUHAN BALIK PELAJAR-PELAJAR TAJAAN KERAJAAN DI LUAR NEGARA**

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi penangguhan balik pelajar tajaan Kerajaan di luar negara.

#### **DEFINISI**

2. Bagi tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini:

**Agensi penajaan Kerajaan** bermaksud agensi atau jabatan Kerajaan Persekutuan yang telah diberi kuasa untuk menaja pelajar-pelajar mengikuti pengajian di luar negara.

**Penangguhan balik pelajar tajaan Kerajaan di luar negara** bermaksud kelulusan yang diberi kepada pelajar-pelajar tajaan Kerajaan yang telah menamatkan pengajian di luar negara untuk menangguhkan kepulangan ke Malaysia atas sebab yang dibenarkan.

## **LATAR BELAKANG**

3. Kebenaran penangguhan balik pelajar-pelajar tajaan Kerajaan di luar negara telah pun wujud namun pelaksanaannya ditentukan oleh agensi penaja masing-masing. Keadaan ini telah menimbulkan kekeliruan kepada sebahagian pelajar yang ditaja oleh pelbagai pihak. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memutuskan supaya satu dasar penangguhan balik yang seragam diwujudkan dan digunakan oleh semua agensi penaja Kerajaan.
4. Kerajaan juga berpandangan bahawa kebenaran penangguhan balik pelajar tajaan Kerajaan di luar negara adalah wajar berikutan peningkatan persaingan dalam bidang-bidang tertentu di pasaran pekerjaan tempatan dan memberi peluang kepada pelajar-pelajar tajaan menimba pengetahuan, pengalaman dan kemahiran sebelum kembali ke tanah air.
5. Walau bagaimanapun, Kerajaan perlu mengambil kira bidang-bidang tertentu yang amat diperlukan oleh negara dan pelajar-pelajar di dalam bidang tersebut perlu kembali ke tanah air untuk menyumbang khidmat bakti mereka kepada masyarakat dan negara bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat tidak terjejas.
6. Pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kerajaan di luar negara terdiri dari dua kategori iaitu:

- (i) pelajar yang ditaja secara Biasiswa di mana pelajar dikenakan syarat perjanjian untuk berkhidmat dengan Kerajaan setelah tamat pengajian; dan
- (ii) pelajar yang ditaja secara Pinjaman Pelajaran di mana pelajar tidak dikenakan syarat berkhidmat dengan Kerajaan tetapi perlu membayar balik sejumlah wang sama ada sebahagian atau sepenuhnya daripada jumlah wang yang telah diberikan untuk menaja pengajian mereka.

## DASAR YANG DITETAPKAN

- 7. Pelajar-pelajar perubatan, pergigian dan farmasi yang ditaja oleh agensi penajaan Kerajaan sama ada secara Biasiswa atau Pinjaman Pelajaran **hendaklah kembali ke Malaysia untuk menjalani *housemanship* setelah tamat pengajian.**
- 8. Pelajar-pelajar perubatan, pergigian dan farmasi yang telah ditaja dengan Biasiswa boleh dipertimbangkan penangguhan balik di atas sebab-sebab berikut :
  - (i) melanjutkan pengajian ke peringkat kepakaran; atau
  - (ii) menunggu pasangan (suami/isteri) yang ditaja oleh agensi Kerajaan untuk menamatkan pengajian;
- 9. Pelajar-pelajar perubatan, pergigian dan farmasi yang ditaja secara Pinjaman Pelajaran, boleh dipertimbangkan penangguhan balik untuk melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama tertakluk kepada penaja berpuas hati dengan kaedah dan prestasi pembayaran balik pinjaman mereka.
- 10. Penangguhan balik kepada pelajar-pelajar selain bidang perubatan, pergigian dan farmasi boleh dipertimbangkan dalam keadaan berikut:
  - (i) melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi; atau

- (ii) bekerja dalam bidang berkaitan dengan pengajian dan dibenarkan penaja; atau
- (iii) menunggu pasangan (suami/isteri) menamatkan pengajian yang ditaja oleh agensi Kerajaan.

11. Kelulusan penangguhan balik adalah untuk maksud satu tujuan sahaja iaitu salah satu sebab seperti di perenggan 8 untuk pelajar bidang perubatan, pergigian dan farmasi atau di perenggan 9 bagi pelajar lain-lain bidang dan tidak boleh menggunakan kemudahan ini untuk dua sebab sama ada secara serentak atau berturutan. Walau bagaimanapun, bagi penangguhan untuk tujuan menunggu pasangan menamatkan pengajian, agensi penaja boleh menimbangkan pelajar untuk melanjutkan pengajian dengan syarat tempoh yang dibenarkan tidak melebihi tempoh pasangan mereka menamatkan pengajian.

### **TEMPOH PENANGGUHAN BALIK**

12. Tertakluk kepada persetujuan agensi penaja, tempoh penangguhan balik yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- (i) untuk tujuan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di peringkat Sarjana atau PhD atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau peringkat kepakaran bagi pelajar perubatan, pergigian dan farmasi adalah mengikut tempoh pengajian sebenar; atau
- (ii) untuk mendapatkan pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian ialah selama dua tahun dan boleh dilanjutkan dari setahun ke setahun sehingga tempoh maksimum empat tahun; atau

- (iii) untuk menunggu pasangan yang ditaja oleh agensi Kerajaan menamatkan pengajian adalah mengikut tempoh pengajian pasangan tersebut.

### **SYARAT-SYARAT PENANGGUHAN BALIK**

13. Syarat-syarat yang ditetapkan dalam mempertimbang dan meluluskan permohonan penangguhan balik adalah seperti berikut:

- (i) penangguhan balik bagi pelajar perubatan, pergigian dan farmasi untuk tujuan melanjutkan pengajian ke peringkat kepakaran adalah tertakluk kepada keperluan negara dan perlu mendapat perakuan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (ii) penangguhan balik tidak akan menyebabkan gangguan dalam perancangan tenaga manusia agensi Kerajaan atau menyebabkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada masyarakat terjejas;
- (iii) kebenaran untuk penangguhan balik selepas menamatkan pengajian tidak diberi secara keseluruhan (*blanket approval*) tetapi adalah berdasarkan merit kes demi kes. Permohonan hendaklah dibuat kepada agensi penaja sebelum tempoh pengajian asal tamat;
- (iv) walaupun penangguhan balik diluluskan, pelajar perlu bersedia pada bila-bila masa untuk pulang sekiranya diarahkan berbuat demikian oleh Kerajaan;
- (v) bagi pemegang Biasiswa yang terikat dengan syarat berkhidmat dengan Kerajaan/penaja, kelulusan penangguhan balik bermaksud syarat tempoh berkhidmat akan turut ditangguhkan tanpa mengurangkan tempoh yang ditetapkan oleh agensi penaja. Mereka

perlu memenuhi semua tempoh perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian apabila diperlukan oleh Kerajaan;

- (vi) pelajar yang ditaja secara Pinjaman Pelajaran yang diluluskan penangguhan balik kerana melanjutkan pengajian dibenarkan menangguhkan bayaran balik pinjaman bagi sepanjang tempoh penangguhan balik tidak melebihi tempoh maksimum empat tahun. Walau bagaimanapun, sekiranya penangguhan diluluskan kerana mendapatkan pengalaman bekerja atau menunggu pasangan, bayaran balik hendaklah dimulakan dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian atau mendapat pekerjaan, yang mana terdahulu;
- (vii) Kerajaan berhak membatalkan penangguhan balik pada bila-bila masa dan pelajar perlu mematuhi arahan tersebut;
- (viii) setelah penangguhan balik diluluskan, Kerajaan tidak lagi terikat dengan sebarang obligasi yang berkaitan dengan kemudahan yang terkandung dalam syarat-syarat perjanjian biasiswa atau pinjaman yang belum lagi dilaksanakan (misalnya tambang perjalanan balik ke Malaysia serta visa untuk tinggal lebih lama di negara berkenaan). Walau bagaimanapun tanggungjawab pelajar seperti yang terkandung dalam perjanjian adalah kekal dan pelajar perlu memenuhi sama ada pada ketika itu atau setelah tamat tempoh penangguhan balik; dan
- (ix) sepanjang tempoh penangguhan balik, pelajar adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan kepada agensi penaja akan status terkini dan alamat tempat tinggal yang boleh dihubungi sekurang-kurangnya setahun sekali. Kegagalan pelajar untuk mengemaskini status dan maklumat mereka boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan perjanjian boleh diambil dan sebarang tindakan menggunakan maklumat terakhir yang diterima oleh penaja hendaklah dianggap tepat dan sah.

## **PERTANYAAN**

14. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah dirujuk kepada:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Latihan  
Aras 6, Blok C1, Komplek C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA**

**No Telefon : 03-88853000/03-88854000  
Faks : 03-88810743  
Email : [dasarlatihan@jpa.gov.my](mailto:dasarlatihan@jpa.gov.my)**


## **TARIKH KUAT KUASA**

15. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

## **PEMAKAIAN**

16. Pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Berkanun tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( TAN SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

30 Mac 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun